

Headline	Catu tebanan tahunan pelihara ekosistem		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	09 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	26	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	819 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 32,140
Frequency	Daily	PR Value	RM 96,420



DR Raja Barizan menunjukkan pokok api-api selepas dihakis ombak.



SEBAHAGIAN pokok yang musnah selepas dihakis ombak.



ANTARA pokok api-api yang terdapat di Hutan Simpan Kuala Bernam, Kampung Sungai Haji Dorani, Sungai Besar.

## Catu tebanan tahunan pelihara ekosistem

**Kuala Lumpur:** Konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (SFM) diamalkan bagi menjamin sumber hutan dapat menyumbang pengeluaran pelbagai hasil hutan dan perkhidmatan secara mampan.

Antara aspek penting yang perlu diambil kira dalam pengurusan hutan adalah penetapan kup tahunan atau catuan tebanan tahunan (CTT) sepertimana dianggarkan 1,100 hektar kawasan hutan paya laut di Hutan Simpan Matang, Perak dibenarkan dibuka untuk penebangan pokok bakau.

Langkah yang dijalankan Jabatan Perhutanan itu adalah sebagai usaha dalam memulih dan memulihara ekosistem paya bakau untuk terus kekal, tidak terancam dan mengalami kemusnahan.

Felo Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Suhaili Rosli berkata, prinsip dan pendekatan pengurusan hutan paya laut berasas kepada amalan Pengurusan Sumber Secara Berkekalan bagi menjamin kemampuan hutan untuk keperluan generasi akan datang tidak terjejas.

"Pada dasarnya, mempraktikkan amalan baik dalam pengurusan hutan paya laut melalui pendekatan pelbagai guna sumber (multiple use) dapat mengoptimalkan sumbangan faedah ekonomi, sosial dan alam sekitar dengan meningkatkan nilai tambah.

"Selain itu, pembabitian aktif pelbagai lapisan masyarakat dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan

paya laut di negara ini sangat penting selaras dengan konsep hutan untuk kesejahteraan masyarakat," katanya.

Menurut Suhaili, pokok bakau yang sangat berguna untuk penghasilan arang, kayu jaras dan kayu api diurus melalui prinsip pengurusan secara berkekalan dengan mengamalkan pusingan tebanan 30 tahun di Perak, 25 tahun di Selangor dan 20 tahun di Johor.

"Pokok yang matang selalunya akan ditebang habis (clear-felled) mengikut kawasan tertentu.

"Bagaimanapun, hanya pokok bersaiz melebihi perepang 7.5 sentimeter saja yang akan dikeluarkan. Kayu bakau untuk arang dipotong sepanjang 1.6 meter dan kayu api sepanjang 1.5 meter seperti yang dilaksanakan di Hutan Simpan Matang oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

"Tunggu dan sisa-sisa tebanan akan ditinggalkan untuk proses pereputan dan struktur tanah dapat dikekalkan. Jika selepas dua tahun didapati tiada pertumbuhan anak benih atau tidak mencukupi maka kawasan ini akan ditanam dengan spesies bakau minyak (Rhizophora apiculata) atau bakau kurap (Rhizophora mucronata)," katanya.

Tambahnya, penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan adalah selaras dengan Seksyen 10(1) yang menetapkan supaya hutan simpan dikelaskan mengikut fungsi hutan iaitu pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan, perlindungan tanah, tebus

guna tanah, kawalan banjir, tadahan banjir, perlindungan hidupan liar, simpanan hutan dara, hutan lipur, hutan pelajaran, hutan penyelidikan dan bagi maksud persekutuan.

"Aspek tadbir urus hutan paya laut membabitkan penggubalan, terima pakai dan penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Perhutanan Negara 1984 di Semenanjung, Enakmen Hutan 1968 (Sabah) dan Forest Ordinance 2015 di Sarawak.

"Kawasan hutan paya laut yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) atau Kawasan Terindungi Sepenuhnya (TPA) adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab kerajaan negeri dan Jabatan Perhutanan Negeri masing-masing," katanya.

Menurut Suhaili, penyelidikan terkini dan pengenalan teknik inovatif adalah input baru yang diperlukan dalam pemuliharaan hutan paya laut bagi menghadapi isu seperti perubahan iklim dan kenaikan paras air laut serta hakisan pantai.

"Kajian berkaitan ekosistem, pengurusan dan pembangunan hutan paya laut sudah banyak dijalankan ahli penyelidik.

"Sejak awal 1930-an hingga 2014, lebih 50 kajian saintifik dijalankan penyelidikan dari dalam dan luar negara berkenaan hutan paya laut dan hasil penemuan kajian membantu dalam usaha melindungi dan menguruskannya dengan baik berdasarkan kepentingan dan kepelbagaian fungsi ekosistemnya," katanya.

### FAKTA

Pokok bakau sangat berguna untuk hasil arang, kayu jaras dan kayu api

Teknik Comp-Mat paling berkesan dan merekodkan pertumbuhan anak pokok bakau spesies Rhizophora spp  
Dr Raja Barizan

